

Syarat Malaysia iktiraf Israel

Oleh Kamal Ahmad (P)

B.H 14 SEP 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Pendirian Malaysia terhadap Israel dipengaruhi oleh sikap negara itu terhadap negara-negara Arab, umat Islam serta rakyat Palestin, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, jika Israel bertukar sikap, Malaysia perlu mempertimbangkan semula pendiriannya terhadap negara itu lebih-lebih lagi Palestin sendiri mengikti-

raf Israel.

"Malaysia memerlukan sedikit masa untuk mempertimbangkan semula pendiriannya. Bagaimanapun, kita berharap sebarang keputusan mesti dibuat melalui perundingan bukannya konfrontasi," katanya selepas merasmikan Persidangan Perhutan Komanwel ke-14, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas perkembangan terakhir pe-

mimpin Palestin dan Israel yang menandatangani perjanjian damai di Washington, hari ini.

Ditanya mengenai sebuah akhbar harian berbahasa Cina yang menyiarkan kartun mempersenda-sendakan Nabi Muhammad s.a.w. Dr Mahathir berkata:

"Itu tidak sihat. Kita tidak membuat sesuatu yang menyentuh kepercayaan mana-mana agama dalam negara ini. Kita ti-

dak boleh buat begitu kepada orang Islam dan kita tidak boleh buat perkara itu kepada orang lain.

"Kalau kita buat seperti itu suasana akan menjadi tegang dan kita akan bertelingkah tanpa sebarang faedah.

"Saya minta akhbar-jangan main perkara ini," katanya.

Beliau setakat ini belum menerima laporan perkara itu bagi tindakan selanjutnya.